

# Isu bekalan air jejas usaha jadikan Raub hab pelancongan

Mac 23, 2022 @ 10:30am



Raub berpotensi dimajukan sebagai kawasan tumpuan pelancong. - Foto hiasan

Sektor pelancongan di Pahang sangat tertumpu kepada kawasan tanah tinggi, pantai dan pulau. Antara yang paling popular tentu sahaja Tanah Tinggi Cameron dan Genting Highland.

Bagaimanapun, limpahan ekonomi dari kedua-dua pusat pelancongan terkemuka itu dilihat tidak begitu memberi kesan besar, terutama kepada sektor ekopelancongan komuniti tempatan.

Daerah Raub misalnya terletak di antara kedua-dua pusat pelancongan berkenaan. Ia menawarkan kelebihan pelancongan semula jadi seperti Hutan Lipur Lata Jarum, Lata Berembun, Jeriau, Lata Lembik, Sungai Dong, Sungai Lipis, Sungai Klau-Jeriau, Sungai Benta selain gunung-ganang seperti Gunung Penumpu, Gunung Laris, Gunung Pulang, Gunung Serundum, Gunung Lerek dan Gunung Belalai.

Bagaimanapun, semua lokasi itu tidak diterokai atau dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat setempat.

Antara puncanya adalah disebabkan Raub berhadapan dengan isu ketiadaan air. Ia menyebabkan daerah itu kurang berpotensi untuk dimajukan sebagai hab pelancongan. Lalu, Raub sekadar menjadi lokasi persinggahan bersifat sementara.

Meskipun Kerajaan Negeri Pahang dikatakan sudah mengambil beberapa inisiatif bagi menyelesaikan masalah kekeruhan sumber air mentah yang mengalir ke beberapa Loji Rawatan Air (LRA) di daerah itu serta memastikan bekalannya mencukupi, namun isu berkenaan masih gagal diselesaikan.

Kerajaan Persekutuan juga khabarnya sudah memperuntukkan sebanyak RM18 juta untuk mengurangkan kadar kekeruhan tinggi pada sumber air mentah, sebelum mengalir ke ketiga-tiga LRA.

Penduduk yang bermastautin di Raub sudah mual dengan janji ahli politik berkaitan isu air di Raub. Ia kerana isu ini sering menjadi modal kempen dalam pilihan raya dan dijanjikan bakal selesai secepat mungkin, namun hingga kini ia masih belum ditangani.

Lalu, tindakan seorang Ahli Parlimen yang segera turun ke lapangan menangani isu penebangan dusun durian bersama seorang lagi Ahli Parlimen dari Selangor tahun lalu sangat mendukacitakan rakyat tempatan. Isu air yang lebih mendesak dipandang sepi dan tidak pula diangkat sebagai isu rakyat.

Justeru, penduduk di Raub sangat mengharapkan masalah air ini dapat diselesaikan segera. Ahli parlimen Raub bersama dengan Kerajaan Negeri Pahang dan agensi berkaitan harus meletakkan isu ini sebagai persoalan penting rakyat.

Selain itu, daerah Raub juga perlu diperindahkan sebaik mungkin. Ketiadaan lampu jalan bermula dari sempadan daerah Raub yang menjadi mercu tanda 'Bandar Durian Musang King' sehingga ke simpang UiTM Raub amat berbahaya. Hal ini memandangkan Raub menjadi laluan utama ke destinasi pelancongan popular.

Jika dilihat landskap di sekitar Raub juga begitu suram dengan semak-samun menghiasi bahu jalan. Ini memberikan imej yang kurang baik kepada majlis kerajaan tempatan.

Diharapkan isu ini dapat ditangani sebaik mungkin. Semoga pandangan ini dapat dijadikan asas untuk peningkatan mutu perkhidmatan.

**Penulis adalah Dr Ilyas Abdullah, Pensyarah Kanan Sains Politik UiTM Pahang, Kampus Raub**